

SULIT



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2022**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1
TINGKATAN 5
NOVEMBER 2022**

3756/1

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi **15** halaman bercetak termasuk muka hadapan.

3756/1 © 2022 Hak Cipta BPSBP

[Lihat Halaman Sebelah
SULIT

1 Manakah merupakan sebahagian daripada Kitaran Perakaunan yang betul?



2 Antara berikut, manakah ciri-ciri kualitatif asas Penyata Kewangan?

- I Pemasaan
- II Kerelevanan
- III Kebolehfahaman
- IV Perwakilan benar

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

3 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Aneka Maju.

Perniagaan Aneka Maju telah merekodkan belanja utiliti RM500 dalam Penyata Pendapatan termasuk bil internet yang belum dijelaskan sebanyak RM150.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Wang sebagai ukuran
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

4 Maklumat di bawah menunjukkan ciri-ciri sebuah perniagaan.

- Dimiliki oleh 2 – 50 orang
- Liabiliti tidak terhad

Manakah perniagaan yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Dawam Berhad
- B Pusat Kecantikan Alia
- C Syarikat Budi Bakti Sdn. Bhd.
- D Juru Audit Amir Mirza & Partners

5 Apakah fungsi Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Menentukan keuntungan atau kerugian perniagaan dalam tempoh kewangan yang tertentu
- B Memastikan kedudukan kewangan sesuatu perniagaan pada tarikh tertentu
- C Menunjukkan jumlah hutang perniagaan terhadap pemilik perniagaan
- D Menyemak ketepatan catatan bergu dalam perniagaan

- 6 Situasi berikut berkaitan dengan klasifikasi akaun.

Pemilik Kedai Komputer Adib telah membeli rak pameran dari Kedai Perabot Azhan, manakala Kedai Perabot Azhan membeli komputer dari Kedai Komputer Adib untuk kegunaan perniagaan.

Apakah klasifikasi akaun yang tepat bagi kedua-dua akaun?

	Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Kedai Komputer Adib	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
II	Kedai Komputer Adib	Inventori - Komputer	Perabot
III	Kedai Perabot Azhan	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
IV	Kedai Perabot Azhan	Inventori - Komputer	Perabot

- A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D II dan IV

- 7 Maklumat berikut menunjukkan persamaan perakaunan Kedai Roslan.

Aset RM	Liabiliti RM	Ekuiti Pemilik RM
(2 000)	(2 100)	100

Manakah urus niaga yang menunjukkan kesan persamaan perakaunan di atas?

- A Menjelaskan hutang dengan cek RM2 000 dan menerima diskaun RM100
 B Sebuah komputer bernilai RM2 100 dijual secara kredit pada harga RM2 000
 C Inventori barang niaga bernilai RM2 000 dijual secara kredit pada harga RM2 100
 D Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima dengan cek RM2 000 dan memberi diskaun RM100
- 8 Pilah Enterprise menggunakan kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam sistem perekodan berkomputer.

Kod item	Nama akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Hasil
4000 - 4999	Belanja

Apakah nombor kod yang betul bagi Akaun Promosi?

- A 1012
 B 2022
 C 3021
 D 4002

- 9 Apakah kepentingan dokumen sumber?
- A Alat perancangan dan kawalan
 - B Alat menyemak ketepatan catatan ke dalam lejar
 - C Bukti bertulis sesuatu urusan niaga yang telah berlaku
 - D Bahan rujukan semasa penyediaan Penyata Kewangan
- 10 Manakah urusan niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am?
- A Belian kenderaan secara kredit
 - B Belian barang niaga secara kredit
 - C Ambilan tunai untuk kegunaan keluarga
 - D Pulangan barang niaga kepada Akaun Belum Bayar
- 11 Jurnal Belian berikut diambil daripada Kedai Wah Lee pada 31 Mac 2022.

Jurnal Belian		
Tarikh	Butir	Jumlah
2022		RM
Mac 5	Melur Enterprise	1 250
20	Boon Hwa Sdn. Bhd.	2 305
31	Z	3 555

Apakah Z?

- A Akaun Belian
 - B Jumlah Belian
 - C Akaun Belum Bayar
 - D Jumlah Jurnal Belian
- 12 Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?
- A Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan
 - B Mencatat semua penerimaan tunai dan pembayaran tunai
 - C Merekod belanja kecil yang kerap berlaku
 - D Mengawal wang masuk dan wang keluar
- 13 Apakah urusan niaga yang direkodkan dalam lejar khas?
- A Belian barang niaga secara tunai
 - B Belian barang niaga secara kredit
 - C Belian aset bukan semasa secara tunai
 - D Belian aset bukan semasa secara kredit

- 14 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Pakaian Dina.

Puan Dina telah menjelaskan bil elektrik perniagaan menggunakan wang tunai peribadinya.

Manakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Tunai	Kadar bayaran
B	Kadar bayaran	Tunai
C	Modal	Kadar bayaran
D	Kadar bayaran	Modal

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Peralatan Memancing Akif.

	1 Julai 2021	30 Jun 2022
	RM	RM
Akaun Belum Terima	4 200	3 700

Maklumat tambahan:

- i. Penerimaan daripada Akaun Belum Terima sepanjang tempoh perakaunan berjumlah RM15 200.
- ii. Jualan tunai RM2 700.

Berapakah jumlah jualan?

- A RM14 700
 - B RM15 700
 - C RM17 400
 - D RM18 400
- 16 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perakaunan Qaseh Enterprise.

Qaseh Enterprise		
Imbangan Duga pada 31 Mac 2022 (petikan)		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Diskaun	240	
Komisen		540

Apakah butiran yang tepat dalam Imbangan Duga tersebut?

- A Diskaun diberi RM240, Komisen diberi RM540
- B Diskaun diberi RM240, Komisen diterima RM540
- C Diskaun diterima RM240, Komisen diberi RM540
- D Diskaun diterima RM240, Komisen diterima RM540

17 Maklumat berikut diperoleh daripada Butik Maryam.

	RM
Jualan	60 400
Belian	32 800
Inventori awal	3 600
Inventori akhir	2 850
Insurans	1 200
Insurans atas belian	600
Angkutan masuk	960
Angkutan keluar	820

Berapakah kos jualan?

- A RM31 930
 - B RM34 290
 - C RM35 110
 - D RM37 130
- 18 Pada 1 Januari 2021, Perniagaan Salwa memiliki aset bernilai RM40 700 dan menanggung liabiliti sebanyak RM15 300.

Pada 31 Disember 2021, Perniagaan Salwa telah mengalami kerugian sebanyak RM3 500.

Berapakah modal akhir?

- A RM21 900
 - B RM25 400
 - C RM28 900
 - D RM37 200
- 19 Manakah catatan dalam akaun penamat yang betul?

	Akaun penamat	Butiran
A	Akaun Untung Rugi	Pulangan masuk
B	Akaun Perdagangan	Pulangan keluar
C	Akaun Untung Rugi	Angkutan masuk
D	Akaun Perdagangan	Angkutan keluar

- 20 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Mifzal.

Perniagaan Mifzal
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2022 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Sewa		7 000

Maklumat tambahan:

- i. Sebahagian kedai disewakan kepada Kedai Buku Kaer dengan kadar RM500 setiap bulan.

Apakah pelarasan akaun nominal yang berkaitan bagi situasi tersebut?

- A Sewa belum terima RM500
 B Sewa belum terima RM1 000
 C Sewa belum terperoleh RM500
 D Sewa belum terperoleh RM1 000
- 21 Pada 1 Julai 2021, baki Akaun Belum Terima Johan Enterprise ialah RM18 950 manakala peruntukan hutang ragu RM300. Pada 30 Jun 2022, perniagaan bercadang menyelaraskan peruntukan hutang ragu kepada 2% atas Akaun Belum Terima.

Manakah catatan yang betul dalam Akaun Untung Rugi?

	Komponen	Hutang ragu RM
A	Hasil	79
B	Hasil	379
C	Belanja	79
D	Belanja	379

- 22 Berikut ialah perbualan antara Encik Haziq dan Faiz.

Haziq : Faiz, untuk pengiraan susut nilai perniagaan bermula tahun ini adalah berdasarkan nilai buku aset tersebut dengan mengikut ikut kadar yang telah ditetapkan.

Faiz : Baik Encik Haziq.

Apakah kaedah susut nilai yang digunakan?

- A Kaedah analisis
 B Kaedah garis lurus
 C Kaedah perbandingan
 D Kaedah baki berkurangan

- 23 Maklumat berikut diambil daripada rekod perakaunan Syarikat Ferhat mengenai kenderaan yang dimilikinya.

	RM
Kenderaan (kos)	85 500
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan	34 200

Berapakan harga jualan kenderaan tersebut jika Syarikat Ferhat mengalami kerugian berjumlah RM3 200 semasa melupuskannya?

- A RM48 100
 B RM54 500
 C RM116 500
 D RM122 900
- 24 Ambilan barang niaga berjumlah RM1 800 untuk promosi telah direkodkan ke akaun ambilan.
- Apakah jenis kesilapan ini?
- A Kesilapan songsang
 B Kesilapan komisen
 C Kesilapan amaun
 D Kesilapan prinsip
- 25 Apakah kesan kepada untung kasar apabila belian perabot bernilai RM2 200 tersilap rekod dalam akaun belian?
- A Untung kasar bertambah RM2 200
 B Untung kasar berkurang RM2 200
 C Untung kasar bertambah RM4 400 x
 D Untung kasar berkurang RM4 400 x
- 26 Maklumat berikut merupakan nisbah semasa bagi empat buah firma.

Firma	Nasir Berhad	Yusof Enterprise	Kirana Enterprise	Kamal Trading
Nisbah Semasa	3.5 : 1	2.5 : 1	1.5 : 1	1.0 : 2

Manakah firma yang mempunyai kemampuan membayar hutang jangka pendek yang paling rendah?

- A Nasir Berhad
 B Kamal Trading
 C Yusof Enterprise
 D Kirana Enterprise

27 Antara berikut, manakah maklumat yang diperlukan untuk mengira untung atau rugi mengikut kaedah perbandingan?

- I Modal awal
- II Modal akhir
- III Inventori awal
- IV Inventori akhir

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Maklumat berikut diperolehi daripada Pustaka Melati yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

	1 Ogos 2021	31 Julai 2022
	RM	RM
Gaji belum bayar	1 500	4 500

Maklumat tambahan:

- i. Sehingga 31 Julai 2022, gaji berjumlah RM51 000 telah dibayar dengan cek.

Berapakah gaji bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM45 000
- B RM48 000
- C RM54 000
- D RM57 000

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Zinnirah.

	RM
Baki debit di buku tunai	2 000
Cek belum dikemukakan	750
Deposit belum dikreditkan	2 300
Buku tunai terlebih catat di sebelah kredit	80

Berapakah baki akhir di penyata bank?

- A Baki debit RM530
- B Baki kredit RM530
- C Baki debit RM370
- D Baki kredit RM370

- 30 Jadual di bawah ini menunjukkan anggaran belian Perniagaan Mashitah bagi bulan Januari hingga Mac 2022.

Bulan	Belian RM
Januari	30 000
Februari	40 000
Mac	50 000

Maklumat tambahan:

- i. 60% daripada belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama sebulan.

Berapakah jumlah pembayaran tunai Mac 2022?

- A RM20 000
 B RM34 000
 C RM44 000
 D RM50 000
- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Ash dan Aris pada 30 Jun 2022 yang berkongsi untung rugi sama rata.

	RM
Faedah atas ambilan	1 000
Faedah atas modal	3 000
Untung bersih	40 000

Maklumat tambahan:

- i. Gaji bulanan perkongsi Ash sebanyak RM1 500.

Berapakah untung yang diagihkan kepada setiap perkongsi?

- A RM10 000
 B RM12 000
 C RM18 250
 D RM19 000
- 32 Apakah butiran yang terdapat dalam bahagian ekuiti pemilik perkongsian?
- A Ambilan
 B Untung bersih
 C Akaun semasa
 D Dana terkumpul

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Zahra dan Zarif yang berkongsi untung dan rugi dengan nisbah 3:2.

	RM
Kenderaan	50 000
Inventori	3 300
Akaun Belum Terima	900
Akaun Belum Bayar	1 200
Bank	2 400

Maklumat tambahan:

- i. Semua aset direalis RM50 000
- ii. Belanja realisasi RM200

Berapakah untung atau rugi realisasi?

	Zahra	Zarif
A	Untung RM4 080	Untung RM2 720
B	Rugi RM4 080	Rugi RM2 720
C	Untung RM2 640	Untung RM1 760
D	Rugi RM2 640	Rugi RM1 760

- 34 Apakah ciri syer keutamaan?

- A Kadar dividen tidak tetap
- B Tiada tunggakan dividen
- C Berhak menerima tunggakan dividen
- D Berhak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan

- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Mierwana Berhad bagi tahun berakhir 30 April 2022.

Ekuiti pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
700 000 unit 8% syer keutamaan	1 400 000
600 000 unit syer biasa	900 000

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen syer biasa pada kadar 4 sen sesyer.

Berapakah jumlah dividen akhir syer keutamaan dan syer biasa?

	Syer keutamaan RM	Syer biasa RM
A	56 000	36 000
B	56 000	24 000
C	112 000	36 000
D	112 000	24 000

36 Manakah pernyataan yang benar tentang penubuhan Kelab dan Persatuan?

- A Menghasilkan produk untuk jualan di pasaran
- B Ditubuhkan kerana berorientasikan keuntungan
- C Menyediakan perkhidmatan sosial, kemudahan, rekreasi dan sukan kepada ahli
- D Entiti perniagaan yang dimiliki oleh individu yang menyumbangkan modal dan diberi syer

37 Berikut ialah maklumat penerimaan dan pembayaran Kelab Badminton bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.

	RM
Derma membina gelanggang badminton	50 000
Honorarium	1 500
Yuran ahli	16 500
Yuran pertandingan badminton	5 000
Kadar bayaran	800
Hadiah pertandingan badminton	2 700
Yuran pendaftaran	1 800

Maklumat tambahan:

- i. Yuran pendaftaran dianggap pendapatan hasil.
- ii. Susut nilai alatan sukan RM700.

Berapakah lebihan kelab ini bagi tahun berakhir 30 Jun 2022?

- A RM15 800
- B RM17 600
- C RM65 800
- D RM67 600

38 Manakah butiran kos overhead?

- A Gaji kerani pejabat
- B Gaji penyelia kilang
- C Gaji pengurus pemasaran
- D Gaji operator pengeluaran kilang

39 Apakah rumus bagi menghitung kos prima dalam penyediaan akaun pengeluaran?

- A Kos bahan langsung + kos buruh langsung - belanja langsung
- B Kos bahan langsung + kos buruh langsung + belanja langsung
- C Kos bahan langsung + kos buruh langsung - belanja langsung + kos overhead
- D Kos bahan langsung + kos buruh langsung + belanja langsung + kos overhead

- 40 Jadual berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Syarikat Maju Sdn. Bhd. pada pelbagai paras pengeluaran.

Tahun	2020	2021
Unit keluaran (unit)	60 000	62 500
Jumlah Kos (RM)	145 000	150 000
Jumlah Hasil (RM)	210 000	220 000

Maklumat tambahan:

- i. Kos tetap adalah malar.

$$\Delta \text{kos } 5000$$

$$\Delta \text{unit } 2500$$

Berapakah jumlah kos tetap?

- A RM25 000
 B RM30 000
 C RM65 000
 D RM70 000

$$\text{Kos A Semnit} = \frac{\Delta \text{kos}}{\Delta \text{unit}} = \frac{5000}{2500} = \text{RM} 2$$

KERTAS SOALAN TAMAT

2020:

$$\begin{aligned} \Sigma \text{kos } \Delta &= 60 \text{ unit} \times \text{RM} 2 \\ &= 120 \text{ unit} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \Sigma \text{kos T} &= \Sigma \text{kos} - \text{kos } \Delta \\ &= 145 - 120 \\ &= 25 \text{ unit} \end{aligned}$$